

**25 PELAJARAN BAHASA
KEBANGSAAN**

國語課程

二十五課



Di-awak oleh
**DEWAN BAHASA DAN KEBUDAYAAN KEBANGSAAN
SINGAPURA**

編輯者：新嘉坡國家語文局

售價：一角

PENDAHULUAN

Pelajaran² ini di-sediakan dengan tujuan supaya sa-berapa banyak orang yang boleh akan dapat mengambil bahagian dengan cergas dalam Minggu Bahasa Kebangsaan kita yang pertama. Di-dalam-nya terdapat penggunaan perkataan² dan rangkaian²-kata yang boleh terdengar dalam perbualan² sa-hari-hari di-kedai², di-pasar² dan di-pejabat².

Dengan jalan ini di-harap se-berapa banyak warganegara yang boleh akan mengetahui sa-kurang²-nya perkataan² dan rangkaian²-kata sa-hari-hari yang paling sedikit untok dapat menggunakan Bahasa Kebangsaan dalam masa di-adakan Minggu Bahasa Kebangsaan. Ia mungkin tidak dapat menggunakan Bahasa Kebangsaan pada sa-tiap waktu sa-panjang Minggu itu, tetapi kalau dia mempelajari hingga dapat beberapa pelajaran yang mudah ini ia akan mengetahui akan perkataan² dan rangkaian²-kata yang cukup untok mengambil bahagian yang cergas dalam kempen Minggu Bahasa Kebangsaan.

Pelajaran² ini di-sediakan oleh Dewan Bahasa dan Kebudayaan Kebangsaan dan di-terbitkan dalam surat²-khabar dan siaran²-radio. Sekarang pelajaran² ini sudah pula di-kumpulkan dalam sa-buah buku kecil supaya senang warganegara dapat mengingatnya sa-mula dan menggunakan-nya dalam masa di-adakan Minggu Bahasa.

Tidak-lah memadai menerima Bahasa Kebangsaan pada alam fikiran saja. Kita mesti belajar menggunakan-nya selalu dengan sa-berapa yang kita boleh. Hanya dengan jalan ini kita boleh menjadi pandai dalam Bahasa Kebangsaan kita dan menolong mempertinggi dan memperkembangkan-nya. Penggunaan Bahasa Kebangsaan jangan-lah hendak-nya di-berhentikan sa-takat tamatnya Minggu Bahasa Kebangsaan tetapi hendak-lah di-teruskan sa-lepas berakhir kempen yang rasmi itu.

Hendak-lah kita ingat Bahasa Kebangsaan sekarang bukan kepunyaan sa-suatu kaum. Ia-nya kepunyaan kita sakalian dan kita sakalian boleh dan akan menolong memajukan Bahasa Kebangsaan. Hanya dengan menggunakan-nya dengan lebeh selalu lagi akan dapat kita menjamin bahasa Melayu bukan lagi bahasa kepunyaan orang² Melayu sahaja tetapi sudah menjadi bahasa kepunyaan orang² Malaya. Ia-nya sudah pun menjadi bahasa kebangsaan 90 juta orang Indonesia dan akan menjadi juga bahasa kesatuan 10 juta orang² Malaysia.

Penerimaan bahasa Melayu sa-bagai Bahasa Kebangsaan dari segi apa pun tidak bertentangan dengan pengkajian dan perkembangan bahasa ibu berbagi-bagai kaum di-Malaysia. Pengkajian dan kemajuan bahasa² lain daripada bahasa Melayu boleh menjadi satu sumber yang berharga bagi kekuatan Bahasa Kebangsaan kita, kerana menerusi bahasa² lain ini Bahasa Kebangsaan kita dapat di-perkayakan dengan fikiran² dan perkataan² baharu.

S. RAJARATNAM,
*Menteri Kebudayaan,
Singapura*

楊貴道珍藏
Koleksi Yang Quee Yee

前 言

這些課程的編纂，目的是要盡量使人民能積極的參加我們第一次舉行的國語週。這些課程所用的字彙與詞句，都是我們在日常生活中——在商店，巴剎以及辦事處談話中——可能常用到的。

由此，我們希望能夠盡量使市民懂得一些起碼的日用語，俾能在國語週中加以應用。在整個國語週中，當然有些人可能無法在每一個場合中都能使用國語，但是假如他們能夠熟讀這些簡單的課程，則他們將有足够的字彙與詞句，可以在國語週中，擔任一個積極的角色。

這些課程是由國家語文局編撰的，並曾在報章上發表過及由廣播電台播出。現在把它們編排在一起，印成小冊，以讓市民們有複習的機會，並且在國語週中，可以時常參閱。

只在理論上接受國語是不夠的。我們應該時常盡量應用國語，唯有這樣，我們才能掌握國語並幫助它的成長和發展。國語的應用亦不應該隨着國語週的結束而停止，反之，在這個正式運動過後，應該繼續使用。

讓我們記得，國語目前並不屬於任何種族的。它是屬於我們大家的，而我們大家都應該並將會對國語的成長有所貢獻。只有常常應用國語，我們才能保證國語不再單屬於馬來人的，而是馬來西亞人民的語文。它已是印度尼西亞九千萬人的國語，它亦將會成爲馬來西亞一千萬人的共同語文。

接受馬來語爲國語並不會和馬來西亞各種族對其母語的研究，發展，有所衝突。其實研究和發展馬來文以外的其他語文，對我們的國語可能是一種活力的寶貴泉源，因爲我們可由這些語文吸收到新概念與新詞彙，使我們的國語更加豐富。

新加坡文化部長

拉惹勒南謹識

BADAN 人體

Samy: Sekarang saya bersekolah malam mempelajari Bahasa Kebangsaan.

三 美：我現在讀夜學，學習國語。

Kassim: Bagus!

加 申：很好！

Samy: Ada banyak perkataan² yang saya ta' tahu arti-nya. Mithal-nya:— "jari", "kuku", "lidah", "telinga", "pinggang" dan "pipi".

三 美：我有許多不明白的字彙，比如：— Jari, Kuku, Lidah, Telinga, Pinggang & Pipi.

Kassim: Perkataan² ini ada-lah mudah. Kalau saudara mempunyai sa-buah kamus baik, saudara akan dapat menchari arti²-nya. "Jari" arti-nya "finger". Perkataan "kuku" ia-lah "nail". "Lidah" ia-lah "tongue". "Telinga" ia-lah "ear", "pinggang" ia-lah "waist" dan "pipi" ia-lah "cheek".

加 申：這些都是簡單的字彙。假若你有一本字典，你一定能够找出它們的意義。“Jari”是指“手指”。“Kuku”是“指甲”、“Lidah”是“舌頭”、“Telinga”“耳朵”、“Pinggang”是“腰”、“Pipi”是“頰”。

Samy: Terima kasih. Saya chuba menchari sa-buah kamus sekarang.

三 美：謝謝你，我現在就設法去買一部字典。

DAFTAR PERKATAAN²

字彙

Badan	身體，人體	Lidah	舌 頭
Belakang	後面，背部	Mata	眼 睛
Bibir	嘴 脣	Muka	臉，面 部
Darah	血 液	Mulut	口
Gigi	牙 齒	Otak	腦 子
Hidong	鼻 子	Paha	股，大 腿
Janggut	鬍 鬚	Paru-paru	肺
Jantung, hati	心 臟	Perut	胃，肚 子
Jari	手 指	Pinggang	腰 部
Kaki	腳	Rambut	頭 髮
Kepala	頭，頭 部	Siku	肘
Kuku	指 甲	Tangan	手
Kulit	皮 膚	Telinga	手 耳 朵
Leher	頸 項	Tulang	骨
Lengan	手 臂		

KEKELUARGAAN

親屬關係

Guru: Apa-kah panggilan sa-orang anak yang telah diberikan oleh ibu bapa-nya kepada orang lain?

先生：一個被父母親送給他人的孩子，是叫什麼？

Murid: Anak angkat.

學生：養子。

Guru: Bagus. Sekarang ada lagi satu soal. Apa-kah panggilan sa-orang anak yang tiada lagi beribu-bapa?

先生：很好，現在再有一個問題。一個沒有了父母親的孩子，是叫什麼？

Murid: Anak yatim.

學生：孤兒。

Guru: Chuba sebut beberapa nama kekeluargaan?

先生：你能說出幾個用來指出家庭成員的關係的字眼嗎？

Murid: Datok, nenek, bapa, ibu, abang sulong, kakak sulong, dan anak saudara.

學生：祖父，祖母，父親，母親，大哥，大姐及姪甥。

DAFTAR PERKATAAN²

字 彙

Anak	孩 子	Bapa tiri	繼 父
Anak angkat	養 子	Isteri	妻 子
Anak yatim	孤 兒	Chuchu	孫 兒
Anak tiri	繼 子	Datok	祖 父
Anak saudara	姪, 甥, 姪女 甥女	Nenek	祖 母
Abang	哥 哥	Emak tiri	繼 母
Adek perempuan	妹 妹	Ibu bapa	父 母, 雙 親
Bapa saudara	伯, 叔, 舅, 丈	Ipar	姻 兄 弟 姐 妹
Bapa mentua	岳 父, 家 翁	Suami	丈 夫
Mak saudara	姆, 嬸, 姑, 妯, 孀 母	Mak mentua	岳 母, 家 姑
Bapa; ayah	父 親	Menantu	女 婿, 媳 婦
		Sepupu	堂 (表) 兄 弟 姐 妹
		Sanak saudara	親 戚

BUNGA-BUNGAN 花卉

- Lim: Awak hendak ka-mana, Tan?
林先生：老陳，你去哪兒去啊？
- Tan: Saya hendak ka-Happy World.
陳先生：我要到快樂世界去。
- Lim: Mengapa ka-sana?
林先生：去那邊幹嗎？
- Tan: Saya na'pergi menengok pameran bunga.
陳先生：我去參觀花卉展覽。
- Lim: Awak suka bunga?
林先生：你喜歡花？
- Tan: Ya, amat suka. Awak tidak suka?
陳先生：是，很喜歡，你不喜歡嗎？
- Lim: Tidak berapa, tetapi bapa saya suka sa-kali.
林先生：不大喜歡，但我的父親非常愛花。
- Tan: Kalau bagitu bapa awak tentu suka hendak menengok pameran bunga itu.
陳先生：那麼，你的父親必定很喜歡看花展了。
- Lim: Boleh jadi ia pergi. Apa-kah mereka memamerkan segala jenis bunga di-sana?
林先生：他可能會去。那邊是否展覽各種各樣的花？

Tan: Berbagai² jenis bunga di-pamerkan. Mithal-nya. mawar, teratai, seroja dan anggerek.

陳先生：在花展中各種各樣的花都有，種類繁多。如玫瑰花，睡蓮，蓮花及胡姬花。

Lim: Bapa saya menanam bunga anggerek di-rumah. Dia memang gemar kepada anggerek.

林先生：家父有種些胡姬，他是很喜愛胡姬花的。

Tan: Saya pun ada juga bunga anggerek, tetapi tidak banyak jenis-nya. Di-pameran kita dapat melihat sa-ratus satu macham bunga anggerek.

陳先生：我家里也有，但種留不多。不過在展覽會中，我們可以看到很多種類的胡姬花。

Lim: Ya-kah? Saya ingin juga na'menengok. Boleh saya pergi bersama awak?

林先生：是真的嗎？那我也想去看看，我可以和你一道去嗎？

Tan: Mari-lah. Kalau kita pergi bersama, lebeh gem-bira.

陳先生：歡迎，如果我們一起去，將會更有趣味。

DAFTAR PERKATAAN² 字 彙

Bunga	花	Bunga teratai	睡 蓮
Bunga anggerek	胡花，胡姬花	Bunga melati	茉莉花，素馨
Bunga matahari	向日葵	Bunga kemboja	雞蛋花
Bunga raya	木槿花，大紅 花	Bunga chempaka	玉蘭花
Bunga mawar	玫 瑰	Kelopak	花 瓣
Bunga seroja	蓮花，荷花	Kuntum	花 蕾
		Karangan bunga	花圈，花束

MAKANAN DAN MINUMAN

食物及飲料

- Suami: Makan apa pagi ini?
丈夫：今天早餐吃什麼呢？
- Isteri: Telor, biskut, kopi dan kueh?
妻子：雞蛋、餅干、咖啡還有糕等。
- Suami: Mana mentega?
丈夫：牛油放在那兒？
- Isteri: Saya pergi mengambil sekarang. Mahu garam dan lada?
妻子：我現在就去拿來，要鹽和胡椒嗎？
- Suami: Ta'mahu, tetapi bawa gula sedikit. Kopi ini tawar.
丈夫：不必，但拿些糖來。這咖啡太淡。
- Isteri: Awak na'balak rumah untok makan tengah hari?
妻子：你要回家吃午餐嗎？
- Suami: Bo'eh jadi. Masak apa awak hari ini?
丈夫：可能，你將煮些什麼菜？
- Isteri: Kari daging, ikan goreng dan sayur.
妻子：肉類咖喱、煎魚、及蔬菜等。
- Suami: Bagus. Saya kembali nanti untok makan tengah hari.
丈夫：好的，我將回來吃午餐。

- Isteri: Awak na'membawa kawan2 ka-rumah nanti?
 妻子： 你愛帶朋友回家嗎？
- Suami: Tidak. Hari ini saya ta'berasa gemar hendak menjamu kawan2.
 丈夫： 不，今天我不喜歡招待朋友。
- Isteri: Kalau bagitu saya sediakan makanan untok kita berdua sahaja.
 妻子： 那麼，我預備足夠我們兩人吃的午餐就可以了。
- Suami: Saya harap segala2-nya akan tersedia bila saya pulang nanti.
 丈夫： 我希望回來時，午餐已經弄好了。

DAFTAR PERKATAAN2 字 義

Ayer sejok	冷水	Kari	咖 厘
Ayer panas	熱水	Kopi	咖 啡
Ayer batu	冰；冰水	Kuch	糕 餅
Biskut	餅 干	Makan pagi	早 餐
Buah	水 果	Makan tengah hari	午 餐
Daging	肉 類	Makan malam	晚 餐
Daging babi	豬 肉	Mentega	牛 油
Daging kambing	羊 肉	Roti	麵 包
Daging lembu	牛 肉	Susu	牛 奶
Garam	鹽	Sayur	蔬 菜
Gula	糖	Telor	蛋
Ikan	魚	Teh	茶
Ikan kering	鹹 魚	Udang	蝦
Ikan basah	鮮 魚		
Ikan goreng	煎 魚		

BUAH-BUAHAN DAN SAYUR-SAYURAN

水果與蔬菜

- Pembeli: Saya hendak membeli buah dan sayur.
買者: 我想買些水果和蔬菜。
- Penjual: Silakan masuk. Saya menjual bermacam-macam buah-buahan dan sayur-mayur.
賣者: 請進來, 我有賣各種各樣的水果和蔬菜。
- Pembeli: Berapa harga kubis ini?
買者: 這種包菜的價錢如何?
- Penjual: Yang kecil harga-nya lebeh murah, yang besar harga-nya lebeh mahal. Kubis ini harga-nya empat puluh sen.
賣者: 小的便宜些, 大的比較貴。這種包菜的價錢是四角。
- Pembeli: Wah, mahal sa-kali.
買者: 噯! 這麼貴。
- Penjual: Kerana saudara pelanggan yang tetap, saya jual dengan harga tiga puluh sen sahaja. Saudara mahu membeli-nya?
賣者: 既然你是老顧客, 算三角好了, 你要買去嗎?
- Pembeli: Ya, baik. Ada buah appel dan limau?
買者: 好。你也賣蘋果和橘子嗎?
- Penjual: Ya, ada. Ini dia. Semua-nya baharu belaka.
賣者: 有, 在這兒, 全都是新鮮的。

- Pembeli: Berapa harga-nya satu dozen?
買者：多少錢一打了
- Penjual: Murah sahaja, chuma satu ringgit tiga puluh sen
賣者：很便宜，一元三角而已。
- Pembeli: Saya mahu dua dozen appel dan satu dozen limau
買者：我要兩打蘋果和一打橘子。
- Penjual: Ada lain² barang lagi yang saudara mahu?
賣者：你還要別的什麼東西嗎？
- Pembeli: Saya mahu bawang.
買者：我想買些洋葱。
- Penjual: Saya ada banyak sa-kali bawang baru dan murah sa-kali harga-nya. Harga-nya satu kati tiga puluh sen.
賣者：我有很多新鮮的洋葱，價錢也很便宜，每斤賣三角錢。
- Pembeli: Beri saya dua kati.
買者：給我兩斤。
- Penjual: Dua kati sahaja cukup?
賣者：只買兩斤够嗎？
- Pembeli: Ya, tolong bungkuskan chepat².
買者：很够了，請你快點包好。
- Penjual: Saya bungkus segera.
賣者：我馬上包給你。

DAFTAR PERKATAAN² *chopai* 字 彙

Appel	蘋果	Chabai; chili	辣椒
Durian	榴槤	Chendawan	磨菇
Limau	檸檬子	Halia	生薑
Mangga	芒果	Kachang	豆類
Manggis	山竺	Kachang hijau	綠豆
Nanas	黃梨	Kachang panjang	菜豆
Nangka	芒果	Kubis; kobis	包菜
Pisang	香蕉	Labu	南瓜·冬瓜
Rambutan	紅毛丹	Peria	苦瓜
Semangka	西瓜	Rebong	竹筍
Anggor	龜裙	Sayur	蔬菜
Durian belanda	紅毛榴槤	Selada	生菜
Betek	木瓜	Timun, mentimun	黃瓜
Bawang merah	小葱頭	Kentang	馬鈴薯
Bawang putih	大蒜	Lada	胡椒
Bawang	洋葱·大蔥頭		
Bayam	菠菜		

IKAN 魚類

- Pembeli: Selamat pagi. Hari ini awak menjual ikan apa?
買者: 早安, 今天你賣些什麼魚?
- Penjual Ikan: Ikan, ketam dan udang.
魚販: 魚, 螃蟹, 還有蝦。
- Pembeli: Udang-nya masih segar?
買者: 蝦新鮮嗎?
- Penjual Ikan: Baru di-tangkap suboh pagi ini. Masih chukup segar.
魚販: 剛剛在今早捕獲的, 還很新鮮。
- Pembeli: Saya hendak ikan bawal.
買者: 我想買鯧魚。
- Penjual Ikan: Berapa kati-kah awak mahu?
魚販: 先生要幾斤呢?
- Pembeli: Dua kati.
買者: 兩斤。
- Penjual Ikan: Harga-nya dua ringgit tiga puluh sen.
魚販: 價錢是二元三角。
- Pembeli: Kenapa begitu mahal?
買者: 為什麼那樣貴?
- Penjual Ikan: Sebab susah menangkap-nya. Sekarang hampir tiap² hari hujan. Kerana itu kapal kami tak dapat pergi jauh ka-laut. Ikan-nya sedikit. Jadi, harga-nya pun naik.
魚販: 因為不易捕獲。目前, 幾乎每天都下雨, 我們的船離出深海捕魚。魚少, 價錢自然提高。

- Pembeli:** Udang pun mahal harga-nya?
買者：蝦也很貴嗎？
- Penjual Ikan:** Harga-nya saperti biasa, delapan puluh sen sa-kati.
魚販：照平常的價錢，八角錢一斤。
- Pembeli:** Tolong timbangkan dua kati.
買者：請稱兩斤給我。
- Penjual Ikan:** Ini dia. Ambil ikan-nya sa-kali?
魚販：這就是，魚也一起要嗎？
- Pembeli:** Saya ta'mampu-lah. Terlalu mahal. Sa-kira-nya harga-nya di-kurangkan sedikit, barangkali saya jadi membeli-nya.
買者：太貴，我買不起。如果你把價錢減少些，我可能會買。
- Penjual Ikan:** Berapa-kah awak tawar?
魚販：你還價多少？
- Pembeli:** Dua ringgit.
買者：二塊錢。
- Penjual Ikan:** Baik-lah, boleh ambil barang itu. Awak hendak ketam?
魚販：好，你拿去罷。螃蟹你要不要？
- Pembeli:** Tidak, hari ini ta'mahu. Lain kali sabaja-lah. Saya sudah terlalu banyak membeli barang-barang.
買者：不，今天不要下次來吧。我已經買了很多東西。
- Penjual Ikan:** Terima kaseh, dan harap datang lagi.
魚販：謝謝，請下次再來。

DAFTAR PERKATAAN² 字 彙

Ikan	魚	Ikan terubok	刺壳魚
Ikan ayer tawar	淡水魚	Ikan paus	鯨魚
Ikan ayer masin	鹹水魚	Ikan yu	鯊魚
Ikan basah	鮮魚	Kerang	蚌貝類
Ikan kering	魚干，鹹魚	Ketam	螃蟹
Ikan bawal	鯉魚	Penyu	海龜
Ikan selar	色叻魚	Tiram	螺，牡蠣
Ikan tenggiri	鱈，馬膠魚	Udang	蝦
Ikan merah	紅鵝魚，紅魚	Udang galah	龍蝦
Ikan delah	蕃薯魚	Udang geragau	小蝦
Ikan bilis	江魚	Ubor ² , ampai ²	水母
Ikan parang	西刀魚		

RUMAH 屋子

- Maniam: Saya dengar saudara menchari rumah. Sudah dapat-kah?
- 馬炎: 我聽說你正在找一間屋子，找着了嗎？
- Salleh: Belum. Ada orang menunjokkan sa-buah rumah di-Geylang, tetapi terlampau kecil. Tambahan pula ta'ada lampu dan ayer.
- 沙禮: 還沒有找着，有人帶我到芽籠去看一間，但那間太小，此外，又沒有水電供應。
- Maniam: Saudara hendak membeli?
- 馬炎: 你是否要買一間？
- Salleh: Tidak, Saya na'sewa.
- 沙禮: 不，我想租一間。
- Maniam: Apa salah-nya rumah yang saudara dudoki sekarang?
- 馬炎: 你現在住的屋子怎樣嘍，有什麼毛病？
- Salleh: Rumah itu sudah burok sangat. Dinding-nya pechah², tiang²-nya sudah burok, dan atap-nya bochor.
- 沙禮: 它太陳舊了，牆壁已經破裂，柱子腐朽不堪，屋頂又到處漏水。
- Maniam: Saudara hendak rumah batu atau papan?
- 馬炎: 你要找磚屋還是板屋呢？

- Salleh:** Rumah papan jadi-lah. Saya ta'mampu membayar sewa tinggi.
- 沙 禮:** 板屋就行，我付不起很高的租金。
- Maniam:** Di-tempat tinggal saya ada sa-buah rumah kosong. Lantai-nya batu, dinding-nya papan, atap-nya sing. Saudara mahu-kah?
- 馬 炎:** 在我住的地方有一間空屋，它是由石墩土做地板，木板牆和茅片頂蓋成的。你想要嗎？
- Salleh:** Berapa-kah sewa-nya? Jangan² tinggi sangat.
- 沙 禮:** 租金多少？我希望不會太高。
- Maniam:** Tidak. Chuma lima puluh ringgit sa-bulan.
- 馬 炎:** 不會的，每月只五十元罷了。
- Salleh:** Bagus-lah. Saya mahu. Boleh-kah saudara membawa saya berjumpa dengan tuan rumah itu?
- 沙 禮:** 好，我要，你能帶我去見屋主嗎？
- Maniam:** Apa salah-nya? Mari kita pergi berjumpa dengan dia sekarang.
- 馬 炎:** 怎麼不可呢？來罷，我們現在就去見他。

DAFTAR PERKATAAN² 字 彙

Rumah	屋 子	Dapor	廚 房
Tiang	柱 子	Bilek mandi	浴 室
Tembok	磚 牆	Bilek tidur	臥 房
Dinding	板 牆	Bilek dudok	客 廳
Lantai	地 板	Tandas, jamban	廁 所
Atap	屋 頂	Kawasan	圍 子
Pintu	門 戶	Halaman	庭 院
Jendela, tingkap	窗 戶	Pagar	籬 笆
Tangga	梯 級	Pintu pagar	柵 門

PEKERJAAN 職業

- Ahmad: Bila aku sudah besar nanti, aku hendak jadi penolong pekedai.
 亞 默： 將來我長大了，我要做個店員。
- Salleh: Kenapa engkau memilih kerja itu?
 沙 禮： 你為什麼要選擇這一種職業？
- Ahmad: Aku hendak belajar fasal berniaga.
 亞 默： 我要學做生意。
- Salleh: Oh, begitu. Tetapi aku ta'ada chita² hendak berniaga.
 沙 禮： 啊，原來如此，但我不想從商。
- Ahmad: Habis, kerja yang macham mana yang engkau sukai?
 亞 默： 那麼，你喜歡從事哪一行呢？
- Salleh: Chita² aku hendak berkhidmat dalam pasokan polis.
 沙 禮： 我的志願是想在警察部服務。
- Ahmad: Pasokan polis? Tetapi, pekerjaan polis bukan-kah berat?
 亞 默： 警察部隊？可是，警察的工作不是很重的嗎？
- Salleh: Ya, memang begitu. Tetapi, aku masih muda. Badan aku kuat. Aku ta'takut bekerja berat.
 沙 禮： 是，那是很重的，但是，我還年青。我的身體強壯。我不怕艱苦的工作。

DAFTAR PERKATAAN²

字 彙

Ahli teknik	技 術 人 員	Penjaja	小 販
Guru	教 師	Penterjemah	翻 譯 員
Juru bahasa	通 譯 員	Pekedai	店 主
Juru hebah	廣 播 員	Tukang gambar	攝 影 師
Juru tera	工 程 師	Tukang jahit	裁 縫
Juru rawat	護 士	Tukang rumah	造 屋 工 人
Kerani	書 記	Tukang kasut	補 鞋 匠
Mekanik	機 工	Tukang kayu	木 匠
Nelayan	漁 夫	Tukang emas	金 匠
Peguam	律 師	Tukang masak	廚 師
Pelukis	畫 家	Tukang tiket, kondaktur	剪 票 員
Pengarang	作 家, 主 筆		
Pelakon	演 員	Petani	農 夫

POKOK2 樹

- Chong: Lihat pokok itu. Apa-kah nama pokok itu?
張三： 讓那棵樹，它叫什麼名字？
- Ahmad: Yang tirus itu? Itu pokok ru.
阿默： 是不是尖狀的那棵？那是松樹。
- Chong: Pokok2 yang tinggi lampai itu? Pokok pinang, bukan?
張三： 那些樹幹又高又細的是什麼樹？它們叫做檳榔，對嗎？
- Ahmad: Betul. Dan yang batang-nya gemok itu pula, pokok nyior.
阿默： 對，而那些樹幹粗些的是椰樹。
- Chong: Di-kawasan rumah awak ada satu pokok. Daun-nya kecil. Buah-nya pun kecil. Pokok apa itu?
張三： 在你家的園子里有一株樹，它的葉子細小，果子也不大，那是什麼樹？
- Ahmad: Itu pokok cheri.
阿默： 那是楂里樹。
- Chong: Pokok yang daun-nya di-buat atap, apa pula nama-nya?
張三： 有一種樹的葉子可以編成亞答，它的名字叫做什麼？
- Ahmad: Itu-lah pokok nipah. Banyak terdapat di-Malaya.
阿默： 它們是棕櫚樹，在馬來亞有很多。

DAFTAR PERKATAAN² 字 彙

Pokok ara	無花果樹	Pokok cheri	棧里樹
Pokok buloh	竹	Pokok chendana	檀香木
Pokok getah	膠 樹	Pokok nipah, bertam	棕櫚樹
Pokok kertau	桑 樹	Daun	葉 子
Pokok jati	柚 木	Dahan	樹枝・粗杪
Pokok nyior	椰 樹	Ranting	枝 椏
Pokok pinang	檳榔樹	Batang	樹 幹
Pokok kapur barus	樟腦樹	Kulit	樹 皮
Pokok ru	松 樹	Akar	樹 根

PAKAIAN 衣 著

- Pembeli: Saya mahu membeli kemeja. Tolong tunjukkan berapa macham kemeja yang tuan ada?
顧 客：我要買一件襯衫。你能拿出兩三種給我看看嗎？
- Pekedai: Ini dia. Kami ada kemeja yang paling baru di-kota ini. Kami ada kemeja² buatan asing dan juga buatan tempatan. Tuan suka lengan pendek atau panjang?
店 主：這就是，我們有本市最時髦的襯衫。我們有外國以及本地製造的襯衫，你喜歡短袖或是長袖的呢？
- Pembeli: Saya lebih suka lengan pendek. Chuba tunjukkan kapada saya kemeja warna merah itu.
顧 客：我較喜歡短袖的。給我看看那件紅色的。
- Pekedai: Ya, ini memang chantek. Tuan suka yang berukuran sedang atau yang besar?
店 主：好，這件好看，你要中號的或是大號的？
- Pembeli: Yang sedang.
顧 客：中號的。
- Pekedai: Nah, ini dia.
店 主：喏，這件就是。
- Pembeli: Warna-nya agak terlampau cerah, tidak-kah bagitu?
顧 客：它的顏色有點太過炫耀，不是嗎？

- Pekedai:** Ini sa-sungguh-nya warna yang di-sukai oleh pemuda² sekarang. Chukup sesuai untok tuan.
- 店主:** 這是時下的青年最喜愛的顏色，這件正適合你。
- Pembeli:** Berapa-kah harga-nya?
- 顧客:** 它的價錢多少？
- Pekedai:** Harga-nya delapan ringgit lima puluh sen. Harga ini patut.
- 店主:** 八元五角，這是很公道的價錢。
- Pembeli:** Boleh beri potongan?
- 顧客:** 能算便宜些嗎？
- Pekedai:** Minta ma'af, harga ini yang paling rendah sa-kali. Kemeja ini tahan lama dan warna-nya tidak luntor.
- 店主:** 對不起，我不能減。這是最低的價錢。這件襯衫經久耐用，並且永不褪色。
- Pembeli:** Benar-kah itu?
- 顧客:** 是真的嗎？
- Pekedai:** Kami tanggung.
- 店主:** 我們擔保。
- Pembeli:** Baik-lah, saya ambil ini.
- 顧客:** 好吧！我就買它。
- Pekedai:** Saya bungkus baik².
- 店主:** 我將包得好好。

DAFTAR PERKATAAN² 字 彙

Baju dalam	汗衫，背心	Topi	帽	子
Baju kurong	馬來裝短外衣	Songkok	宋	谷
Baju kemeja	襯衫，恤	Sarban	頭	巾
Baju tidur	睡衣	Seluar	褲	子
Baju monyet	猴裝	Seluar pendek	短	褲
Baju hujan	雨衣	Sarong kaki	襪	子
Butang	鈕扣	Kasut	鞋	子
Tali pinggang	腰帶，褲帶	Seluar dalam	內	褲
Tali leher	領帶			

LOGAM DAN PERMATA 金屬和寶石

Sa-bahagian besar kaum wanita suka akan batu permata. Mereka tertarek kapada sinar-nya yang gemerlapan.

婦女們大部份都喜愛寶石。她們都被其燦爛閃耀的反射光茫所吸引。

Warna-nya berbedza². Ada yang merah, ada yang hijau, ada yang biru, ada pula yang ungu.

寶石有各種各樣的顏色：有紅的，有青的，有藍的，也有紫的。

Yang paling di-sukai ia-lah permata yang putih jernih. Itu-lah yang di-sebut intan.

但是，最受喜愛的是無色透明的寶石，這種寶石叫做金剛石。

Yang lebeh tinggi mutu-nya di-panggil berlian, harga-nya pun sangat mahal.

那些經過琢磨而質地上乘的就稱為鑽石，它們的價錢很貴。

Intan, berlian, zamrud dan yang sa-bangsa dengan itu, di-sebut batu permata. Biasa-nya di-gunakan sa-bagai permata barang² perhiasan.

金剛石，鑽石，碧玉等等都叫做寶石，它們通常是用來做珠寶器的。

Logam² seperti tembaga merah, besi dan timah ada-lah sangat berguna. Banyak barang² boleh di-perbuat daripada-nya.

銅，鐵和錫等是很有用的金屬，它們可以用來做成許許多多東西。

DAFTAR PERKATAAN²

字 彙

Besi	鉄	Tembaga merah	銅
Besi baja, besi waja	鋼	Tembaga gangsa	青 銅
Besi berani	磁 鉄	Tembaga putih	錫 銀 ; 銀
Besi tuangan	鑄 鉄	Timah	錫
Batu kawi	錳	Bijih timah	錫 苗
Emas	金	Timah hitam	鉛
Emas putih	白 金	Timah sari	鉛
Perak	銀	Intan	金 剛 石
Tembaga kuning, loyang	黃 銅	Mutiara	珍 珠
		Nilam	青 玉 · 藍 寶 石
		Zamrud	碧 玉

KATA GANTI NAMA 代名詞

Murid: Che'gu, apa-kah kata ganti nama untuk orang pertama?

學生：老師，第一人稱的代名詞是什麼？

Che'gu: Kata ganti nama-nya 'saya'.
老師：它的代名詞是“SAYA”，（我）。

Murid: Kata ganti nama orang pertama jamak betul-kah 'Kita'?

學生：第一人稱的複數是“KITA”（我們）一詞對嗎？

Che'gu: Ya.
老師：對。

Che'gu: Kata 'Engkau' ada-kah termasuk kata ganti nama?

老師：“ENGKAU”（你）這個詞算是代名詞嗎？

Murid: Ya, itu ada-lah kata ganti nama.

學生：是，那是代名詞。

Che'gu: Orang pertama, kedua atau ketiga-kah itu?

老師：它是代表第一人稱，第二人稱，或是第三人稱呢？

Murid: Itu ada-lah orang kedua.

學生：它是第二人稱。

- Che'gu: Boleh-kah engkau menyebut beberapa kata ganti nama tunggal dan jamak untuk orang ketiga?
 老師：你能否說出一些第三人稱的單數與複數的代名詞呢？
- Murid: Dia, mereka.
 學生：DIA, MEREKA.
- Che'gu: Bagus sa-kali.
 老師：很好。

DAFTAR PERKATAAN²

字彙

Saya	} 我	Tuan	端 (譯音), 先生, 台端
Aku		Puan	
Awak	} 你, 妳	Tuan-ku	陛下, 閣下
Engkau		Baba	峇峇 (通常指在馬來亞或印尼出生的華人)
Kita	} 我們, 咱們	Nyonya	娘惹 (譯音) 小姐, 夫人 (特指已婚華人婦女)
Kami		Nona	娘娜 (譯音) 小姐 (新加坡罕用這種稱呼)
-Kami	} 我們的	Siapa, yang	係仍 (關係代名詞)
-Kita			
Dia	他, 她, 它		
Ia	他, 她, 它		
Merdeka	他們, 她們, 它們		
Enche' (Inche')	因灰 (譯音) 先生, 台端		
Che'	灰 (譯音), 同上 (多用於仕女)		

PELAYARAN 旅行

Pemohon Visa: Saya hendak minta visa ka-Indonesia.

申請人：我想申請一張到印度尼西亞去的准證。

Pegawai Imigresen: Dapat-kah awak memberi keterangan² berkenaan dengan diri awak?

移民廳職員：你能告訴我你的詳情嗎？

Pemohon Visa: Ya, saya sa-orang warganegara Singapura, umur saya empat puluh tahun. Saya bekerja sa-bagai Guru Besar di-sa-buah sekolah Inggeris.

申請人：我是星加坡公民。我的年齡是四十歲；我是某間英文學校的校長。

Pegawai Imigresen: Awak ada kenalan di-Indonesia?

移民廳職員：你有相熟的人在印度尼西亞嗎？

Pemohon Visa: Saya ada banyak sanak saudara di-Indonesia. Sa-orang bekerja sa-bagai kerani besar, sa-orang sa-bagai peguam, dan sa-orang lagi sa-bagai derebar motokar.

申請人：我有很多親戚在印度尼西亞。一個是當書記主任，一個是律師，還有一個是司機。

Pegawai Imigresen: Apa-kah maksud awak pergi ka-Indonesia? Berapa lama awak akan tinggal di-sana?

移民廳職員：你要去印度尼西亞的目的是什麼？打算在那邊住多久呢？

Pemohon Visa: Maksud saya hendak menjumpai saudara² saya dan akan tinggal di-sana sa-lama satu bulan.

申請人：我的目的是要探訪親戚，並且準備逗留一個月之久。

- Pegawai Imigresen: Boleh-kah awak memberi jaminan bahawa awak sa-orang yang berkelakuan baik?
 移民廳職員：你可以保證你是個品行端正的人嗎？
- Pemohon Visa: Saudara? saya di-Indonesia boleh memberi jaminan tentang tingkah laku saya.
 申請人：我在印度尼西亞的親戚，可以保證我的行為。
- Pegawai Imigresen: Silakan mengisi borang yang di-khaskan, dan awak akan di-beri tahu apabila visa awak sudah siap nanti.
 移民廳職員：請你填妥必須的表格；一俟准證批准時，我將會通知你。

DAFTAR PERKATAAN² 字彙

Bepergian	開行	Kereta api	火車
Seberang laut	海外	Setesen Kereta api	火車站
Menyeberang lautan	去海外	Landasan kereta api	火車軌道
Visa	准證	Tambang	車費，船費
Pasport	護照	Barang	行李
Permit masuk	入口證	Tiket, pulang pergi	來回票
Permit masuk sa-mula	回境證	Pengangkat barang	腳夫
Imigresen	移民	Kapal api	輪船
Tiket	票	Kapal layar	帆船
Kapal	船	Tongkang	舢舨
Kapal terbang	飛機	Perahu	小帆船，小艇
Pangkalan udara, lapangan terbang	飛機場	Kaptan, Nakhoda	船長
Pangkalan laut	海港	Anak kapal	船員
Pelabuhan	碼頭		

KATA PERBUATAN 動詞

Che'gu: Ah Kim, dapat-kah engkau membuat ayat dengan kata "chuchi"?

老師：亞金，你能够用“CHUCHI”（洗滌）這個字造一個句子嗎？

Ah Kim: "Saya chuchi tangan sa-belum makan".

亞金：“SAYA CHUCHI TANGAN SA-BELUM MAKAN”（吃飯前，我先洗手）。

Che'gu: Kata "chuchi" itu kata nama atau kata perbuatan?

老師：“CHUCHI”這個字，是名詞或是動詞？

Ah Kim: Itu kata perbuatan.

亞金：是一個動詞。

Che'gu: Bagus. Bolch-kah engkau menyebutkan beberapa kata perbuatan yang lain?

老師：很好，你能舉出一些其他的動詞嗎？

Ah Kim: Bolch "bawa" "nyanyi" "buang" "ambil" "belajar".

亞金：能够。“BAWA”（攜帶）“NYANYI”（歌唱）“BUANG”（丟棄）“AMBIL”（拿）；“BELAJAR”（學習）。

Che'gu: Hassan, dalam ayat ini, mana kata perbuatannya: "Budak itu menendang bola".

老師：哈山，在下面的句子裏面，那一個字是動詞？
“BUDAK ITU MENENDANG BOLA”（那個孩子在踢球）。

- Hassan: Menendang.
哈·山: "MENENDANG" (踢)。
- Che'gu: Baik-lah. Ini ada satu ayat lagi: "Saya membeli buku daripada dia". Boleh-kah engkau menunjokkan mana kata perbuatan-nya?
老師: 對的。這裏還有另外一個句子, "SAYA MEMBELI BUKU DARIPADA DIA." (我在他那里買書) 你能够指出那個字是動詞嗎?
- Hassan: Kata perbuatan-nya ia-lah "membeli".
哈·山: 動詞是 "MEMBELI" (買) 這個字。
- Che'gu: Bagus.
老師: 很好。

DAFTAR PERKATAAN² 字 彙

Berangkat	出發	Selok	摸索, 探索
Berehat	休息	Susun	編排, 佈置
Dudoki	住用	Tawar	討價還價
Hilangkan	失掉, 消失	Tentukan	決定, 確定
Lukis	繪畫	Tuntut	要求, 申求
Lihat	看, 瞧, 觀	Tinggalkan	留下
Pinjam	借入	Tolak	推開, 拒絕
Pinjamkan	貸出	Undor	退却, 退後
Pechahkan	打破	Undi	投票
Rampas	搶奪		

KATA SIFAT 形容詞

- Guru: Apa-kah 'kata sifat'?
- 老師：什麼叫做“Kata sifat”（形容詞）？
- Murid: 'Kata sifat' ia-lah suatu perkataan yang menerangkan sifat kata nama.
- 學生：“Kata Sifat”是用來形容“Kata Nama”（名詞）的字彙。
- Guru: Dapat-kah engkau menyebut beberapa kata sifat?
- 老師：你能說出一些“Kata Sifat”嗎？
- Murid: Ya, 'masam' 'bersih' 'baik' 'manis' 'dalam' 'miskin' 'muda' dan 'lebar'.
- 學生：能。“Masam”（酸的），“Bersih”（清潔的），“Baik”（好的，善良的），“Manis”（甜的），“Dalam”（深的），“Miskin”（窮），“Muda”（年青）和“Lebar”（寬的）等等都是形容詞。
- Guru: Dapat-kah engkau membuat ayat dengan kata sifat 'lebar'?
- 老師：你能用“Lebar”這個形容詞造個句子嗎？
- Murid: Ya. Jalan raya itu lebar.
- 學生：Jalan raya itu lebar.（那條路很寬）。
- Guru: Buat-lah ayat dengan kata 'miskin' 'muda' dan 'bersih'.
- 老師：試用“Miskin”，“Muda”和“Bersih”諸字各造一句子。

Murid: Ya. Amat banyak orang miskin di-dalam dunia. Orang muda itu memberi sa-buah buku kepada saya. Dia mempunyai sa-helai kemeja bersih.

學生: 好。Amat banyak orang miskin di-dalam dunia. (世界上有許多窮人。) Orang muda itu memberi sa-buah buku kepada saya. (那位年青人給我一本書。) Dia mempunyai sa-helai kemeja bersih. (他有一件清潔的恤衫。)

Guru: Di-sini ada suatu ayat, 'Dia ada kasut chantek'. Tunjukkan-lah kata sifat-nya.

老師: 這裏處有一個句子 "Dia ada kasut chantek" (他有漂亮的鞋子。) 你試指出它的形容詞來。

Murid: Chantek.

學生: Chantek (漂亮)。

Guru: Bagus. Engkau telah faham betul akan kata sifat. Aku harap kau-teruskan pelajaran-mu.

老師: 很好, 你對形容詞已有正確的了解。我希望你能繼續學習。

DAFTAR PERKATAAN²

字彙

Ajaib	奇妙的	Lichin	平滑的
Basi	腐臭的(食物)	Lembut	柔和的, 柔軟的
Berbahasa	文雅有禮的	Pahit	舌澀的
Biadab	粗暴的	Ringan	輕的
Boros	奢侈的, 浪費的	Rapat	稠密的
Bertuah	幸運的	Rata	水平的, 均勻的
Chelaka	倒霉的	Rendah	低的, 矮的
Churam	峻險的	Senyap	靜寂的
Dukachita	悲哀的	Sempit	狹窄的
Keroh	模糊的, 渾濁的	Suka, sukachita	高興的, 快樂的
Masak	成熟的	Selamat	安全的
Muda	年青的, 未成熟的	Sadikit	少量的
Murah hati	仁慈的	Tajam	尖銳的
Lemah	羸弱的	Tumpul	鈍的

ALAT² PELAJARAN 文具

Pada suatu hari Ali, Ah Lum dan Nathan mengunjongi sa-buah kedai buku di-Bras Basah Road.

有一天，阿里，阿藍和拿丹到一間在勿拉士峇沙律的書店兜兜。

Pemilek kedai bertanya kepada mereka apa yang hendak mereka beli.

店主問他們想買些什麼東西。

Ali menjawab: "Saya hendak beberapa buah buku bahasa asing, seperti Perancis, Latin dan Spanyol".

阿里回答：「我要買幾本外文書籍，如法文，拉丁文，和西班牙文。」

"Ya, saya ada banyak buku² bahasa asing di-atas rak yang atas. Tuan boleh memilih mana yang tuan suka", kata pemilek kedai itu.

「好的，我有很多外文書籍，擺在上面的書架。你可任意挑選你所喜歡的書。」店主說。

Ah Lum berkata ia hendak membeli beberapa buah buku tata-bahasa.

阿藍說他要買幾本文法書籍。

Dan Nathan pula berkata ia mahu sa-dozen buku² tulis, sa-batang pensil dan sa-botol da'wat.

拿丹也說要一打練習簿，一支鉛筆和一瓶墨水。

Ali dan Ah Lum pun memilih buku² yang di-kahendaki, sedangkan pemilek kedai itu mengambil barang² yang di-kahendaki oleh Nathan.

阿里和阿藍正在挑選他們所喜歡的書籍，而店主已把拿丹所要的東西拿來。

Sa-telah mereka membeli apa² yang di-kahendaki, maka mereka pun berpisah dan pulang ka-rumah masing².

他們買好了東西後，就分別回到各自的家裏。

DAFTAR PERKATAAN² 字 彙

Buku	書籍，書本	Kapor	粉 筆
Buku bacaan	課 本	Kayu satar, belabas	木 尺
Buku tulis	練習簿	Papan hitam	黑 板
Buku tata- bahasa	文法書	Pemadam (getah pemadam)	樹膠擦
Buku ilmu 'alam	地理書	Pensil	鉛 筆
Buku tawarikh	歷史書	Karangan	文 章
Buku ilmu hisab	數學書	Renchana	聽 寫
Da'wat	墨 水	Sekolah rendah	小 學
Kalam	鋼 筆	Sekolah menengah	中 學
Kertas	紙 張	Maktab	學 院
Kertas tulis	信 箋		
Kertas tekap	吸墨紙		
Kamus	字典，辭典		

BINATANG² 動物

- Ali: Mat, mari kita pergi menengok sarkas malam ini.
阿 里 : 默，我們今晚去看馬戲團表演。
- Mat: Sarkas? Di-mana?
默 : 馬戲團？在那兒？
- Ali: Di-Katong, banyak orang pergi menengok tiap² malam.
阿 里 : 在加東，每晚有很多人去看。
- Mat: Banyak binatang² di-sana?
默 : 那邊有很多動物是嗎？
- Ali: Ya, ada kuda, gajah, monyet, beruang, dan lain² binatang.
阿 里 : 是的，有馬，大象，猴子，熊等等和其他動物。
- Mat: Ada harimau dan singa?
默 : 有老虎和獅子嗎？
- Ali: Harimau dan singa pun ada. Tetapi kerana mereka binatang buas, mereka di-kurong dalam kandang dan orang² ta' di-benarkan mendekati mereka.
阿 里 : 老虎和獅子也有的，但是，因為牠們是猛獸，所以被關在牢籠裏，不許人們靠近牠們。
- Mat: Dan gajah? Boloh kita mendekati mereka?
默 : 象怎樣？我們可以靠近牠們嗎？

- Ali: Ya, kita boleh mendekati mereka dan memberi makanan kepada mereka.
- 阿 里 : 可以，我們可以靠近牠們，並給牠們東西吃。
- Mat: Aku suka hendak pergi. Tunggu aku di-rumah awak. Aku akan tiba di-sana pada pukul tujuh.
- 默 : 我很想去，你在家裏等我。我將在七點的時候到你那邊。
- Ali: Baik-lah. Aku akan menunggu awak.
- 阿 里 : 好的，我將等你。

DAFTAR PERKATAAN² 字 彙

Arnab	兔 子	Lembu	牛
Babi hutan	山 猪	Lembu jantan	牡 牛
Badak	犀 牛	Lembu betina	牝 牛
Baghal	驃 子	Anak lembu	小 牛
Beruang	熊	Sapi	公 牛
Berok	長尾猴	Landak	豪猪，箭猪
Gajah	象	Monyet	猴 子
Harimau	老 虎	Musang	鼯 猪
Harimau bintang	斑 豹	Rusa	鹿
Harimau kumbang	美洲豹	Rubah	狐 狸
Kaldai	驢 子	Serigala	狼
Kerbau	水 牛	Seladang	野 牛
Kambing biri ²	綿 羊	Siamang	長臂猿
Kuda	馬	Singa	獅 子
Kanchil, pelandok	鼠 鹿	Tikus	老 鼠
Kuda belang	斑 馬	Tupai	松鼠
		Unta	駱 駝
		Zirafah	長頸鹿

PERKATAAN SA-HARI² 日常用語

- Lee: Saya baru mulai belajar bahasa Melayu, dan sedang mengumpulkan perkataan² yang di-pakai sa-hari². Boleh-kah awak menolong saya dalam hal ini? Saya tahu awak sudah lulus dalam peperiksaan bahasa kebangsaan yang di-adakan oleh Kementerian Pelajaran baru² ini.
- 李先生：我剛開始學習國語，並且正在搜集一些日常用語。你能在這一方面幫我忙嗎？我知道你已考到教育部最近舉辦的國語考試。
- Wong: Ya, saya suka menolong awak sa-dapat²-nya.
黃先生：是的，我很樂意儘量幫忙你。
- Lee: Dapat-kah awak memberi tahu beberapa perkataan dalam bahasa Melayu yang biasa di-pakai dalam perchakapan sa-hari²?
- 李先生：你能告訴我一些普通會話裏所常用的字彙嗎？
- Wong: Perkataan² yang di-pakai sa-hari² ia-lah: rumah, bilek, pejabat, kalam, kertas, buku, chawan, gelas, jam tangan, makan, minum, kerja dan sa-bagai-nya.
- 黃先生：普通日常用的字彙是：— Rumah (屋子) Bilek (房間) Pejabat (辦事處) Kalam (筆) Kertas (紙) Buku (書籍) Chawan (茶杯) Gelas (玻璃杯) Jam Tangan (手錶) Makan (吃) Minum (喝，飲) Kerja (工作) 等等。
- Lee: Boleh-kah awak membuat suatu ayat dengan menggunakan perkataan 'kalam'?
- 李先生：你能用“Kalam”這個字造一個句子嗎？

- Wong: Boleh! 'Saya menulis dengan kalam'.
黃先生：我會 = "Saya menulis dengan kalam"。(我用筆寫字)
- Lee: Betul-kah kalau saya berkata 'Saya hendak membeli satu jam'?
李先生：如果我說 "Saya hendak membeli satu jam" 對嗎？
- Wong: Itu tidak betul. Awak mesti berkata 'Saya hendak membeli sa-buah jam'.
黃先生：那樣不對。你應該這樣說："Saya hendak membeli sa-buah jam"。(我要買一個鐘)
- Lee: Saya tahu beberapa perkataan bahasa Melayu, tetapi saya ta'tahu bagaimana hendak menyusun ayat². Bagaimana-kah saya boleh memperbaiki bahasa Melayu saya?
李先生：我認得一些馬來話，但我不知怎樣造句。我該怎樣使我的國語進步呢？
- Wong: Chara yang paling baik ia-lah membaca banyak buku² tata-bahasa dan surat² khabar. Ini akan menolong awak menyusun ayat² dengan betul.
黃先生：最好的方法是多閱讀一些文法書籍和報章。這會幫助你正確地造句。

DAFTAR PERKATAAN² 字 彙

Almari	櫥	Kerusi malas	安樂椅
Bilek makan	飯廳	Katil	睡床
Bilek tidur	臥房	Lampu listrik	電燈
Bangku	凳子, 長椅	Langsir	簾子
Bantal	睡枕	Meja tulis	書桌
Bakul	籃子	Meja Chermin	梳粧台
Chermin mata	眼鏡	Tuala	毛巾, 浴巾
Kipas, kipas angin	風扇	Pisau chukor	刀片, 剃刀
Kain meja	桌布	Sudu	湯匙
Kerusi	椅子	Tong sampah	垃圾桶
Kerusi panjang	沙發椅	Tilam	墊褥

HARI 日 子

- Guru: Hari ini hari apa?
老師：今天是星期幾？
- Murid: Hari Juma'at.
學生：星期五。
- Guru: Betul. Ada-kah orang² bekerja pada hari Juma'at?
老師：對。人們在星期五做工嗎？
- Murid: Ya, orang² bekerja pada hari Juma'at.
學生：有，人們在星期五有做工。
- Guru: Dan ada-kah orang² bekerja pada hari Ahad?
老師：星期日，人們也上工嗎？
- Murid: Tidak, orang² berehat pada hari Ahad.
學生：沒有，人們在這一天休息。
- Guru: Apa-kah panggilan hari orang² tidak bekerja?
老師：人們不必上班的日子是什麼日子？
- Murid: Hari itu di-panggil hari kelepasan.
學生：那是假期。
- Guru: Berapa hari-kah dalam sa-minggu orang² bekerja?
老師：一佢星期裏，人們工作幾天？
- Murid: Orang² bekerja enam hari dalam sa-minggu.
學生：人們工作六天。

- Guru: Dari pukul berapa hingga pukul berapa lazimnya orang² bekerja tiap² hari?
- 老師：每天，人們工作的時間，通常是從什麼時間開始到什麼時間為止？
- Murid: Pada lazimnya orang² bekerja dari pukul sembilan pagi hingga empat-sa-tengah petang tiap² hari.
- 學生：通常人們是從上午九時開始工作到下午四時半休息。

DAFTAR PERKATAAN² 字 彙

Hari ini	今天，本日	Lusa	後天
Siang hari	白天	Esok lusa	這一兩天內
Malam hari	晚上	Tulat	大後天
Sa-parjang hari	整天	Minggu lalu,	上星期
Sa-parjang malam	整晚	minggu sudah,	
Pagi	早上，上午	minggu lepas	
Tengah hari	中午	Minggu hadapan	下星期
Petang	下午	Ithrin	星期一
Tengah malam	半夜，午夜	Thalatha	星期二
Jauh malam	深夜	Rabu	星期三
Subuh	黎明	Khamis	星期四
Serja	黃昏，日暮	Jumaat	星期五
Semalam	昨天	Sabtu	星期六
Malam semalam	昨晚	Ahad	星期日
Kelmarin	前天	Hari jadi,	生日，誕辰
Dahulu	從前，以前	hari lahir	
Besok, esok	明天	Hari ulang tahun	週年紀念日
Malam besok	明晚	Hari kelepasan	假期，假日
Malam ini	今晚		

PENYAKIT DAN UBAT

疾病與醫藥

- Orang sakit: Selamat pagi, doktor.
病人： 早安，醫生。
- Doktor: Selamat pagi. Silakan duduk. Awak sakit?
醫生： 早安，請坐，你生病是嗎？
- Orang sakit: Ya, doktor. Badan merasa letih, kepala pening. Ta' putus² bersin.
病人： 是的，醫生。我感到疲倦和頭暈。並且老是打噴嚏。
- Doktor: Ada demam?
醫生： 有發燒嗎？
- Orang sakit: Tidak, tetapi tekak merasa sakit.
病人： 沒有，但是我的咽喉感到發痛。
- Doktor: Awak sudah kena sejok. Nanti saya beri ubat. Tunggu di-sini!
醫生： 你是患了感冒。請等一等，我給你些藥服用。
- Orang sakit: Baik, doktor.
病人： 好的，醫生。
- Doktor: Nah, ini ubat untuk awak. Ubat biji ini awak telan sa-biji empat jam sa-kali. Sa-tengah jam kemudian-nya awak minum sa-sudu besar ubat ayer ini. Dan awak mesti berehat. Berbaring di-katil dan berselimut. Jangan kena angin, dan buat sementara waktu jangan mandi. Jaga baik², kalau tidak, awak boleh dapat demam paru².
醫生： 哈，這是你的藥。這些藥丸每隔四小時服一粒，過後半小時，再服一茶匙藥水，然後休息一會兒。你最好躺在牀上，並蓋上被褥。不要吹着風，暫時也不要沖涼。你要好好照顧，不然就會變成肺炎。

Orang sakit: Tetapi doktor, saya bekerja.
病人: 可是, 醫生, 我有工作。

Doktor: itu tak menjadi soal. Saya beri chuti sakit dua hari.
醫生: 那不成問題, 我給你兩天病假好了。

Orang sakit: Terima kasih, doktor.
病人: 謝謝你, 醫生。

DAFTAR PERKATAAN² 字 彙

Batok	痰 嗽	Penyakit pirai, sengal tulang	癩 痢
Batok kering	肺 癆	Penyakit gila babi	風 濕 症
Batok darah	咳 血 性 肺 結 核	Sakit pinggang	腰 痛
Berak darah	赤 痢, 紅 痢	Sawan	癱 瘓 症
Bisul	疔 腫	Sesema, sema- sema, selesema	痧 胃
Champak	愈 核	Sembelit	便 秘
Chachar	天 花	Taiko, kusta	癩 痢
Cheret-beret, berak-berak	痢 疾, 高 註 子	Wabah penyakit	傳染 病
Demam kura	瘧 疾	Ubat bius	麻 醉 劑
Demam paru ²	肺 炎	Chongkil, tznam chachar	種 痘
Kayap	疥 癬	Suntikan	打 預 防 針
Kerching manis	糖 尿 病	Chuchok (jarum)	注 射, 打 針
Kudis	潰 瘍 病	Pilis, param, tapal, ubat gosok	塗 擦 劑
Kurap	輪 癬	Pembelahan	蓋 手 術
Lelah, mengah	哮喘 病		
Penyakit taun	霍 亂		
Penyakit kerongkong	白 喉		
Penyakit pitam ²	鼓 毒		

BURONG² 鳥 類

- Hassan: Wah, banyak sa-kali burung merpati awak, Che' Omar.
哈 山： 啊！你有這麼許多的鴿子，仄奧馬。
- Omar: Ya, mula-nya saya ada dua ekor sahaja, sa-ekor jantan dan sa-ekor betina. Tetapi sekarang sudah berbiak.
奧 馬： 是呀，起先，我只有兩隻，一雄一雌。但是，現在牠們已經繁殖起來。
- Hassan: Tidak-kah payah memelihara-nya?
哈 山： 餵養牠們難嗎？
- Omar: Oh, tidak. Saya lepaskan mereka begitu sahaja
奧 馬： 哦，不難，我就這樣讓牠們去。
- Hassan: Awak beri makan apa?
哈 山： 你用什麼餵養牠們？
- Omar: Saya beri jagong dua kali sa-hari. Tetapi mereka makan lain² barang juga. Dan awak, Che' Hassan? Tidak-kah awak memelihara burung?
奧 馬： 我每天給牠們吃玉蜀黍兩次，但是，牠們也吃別的東西。你怎樣？仄哈山，沒有養鳥嗎？
- Hassan: Ada juga, tetapi ta'banyak. Saya ada dua ekor burung murai.
哈 山： 有的，但不多，我有兩隻喜鵲。

PERKELAHAN 野 餐

- Wong: Kita hendak berbuat apa pada hujung minggu ini?
黃 : 這個週末，我們打算做什麼呢？
- Mat: Entah-lah. Apa kata awak, Muthu?
默 : 我沒意見，你怎樣說，末都？
- Muthu: Saya shorkan kita pergi berkelah.
末 都 : 我提議去野餐。
- Wong: Saya setuju. Mana tempat yang bagus sa-kali
untuk perkelahan kita?
黃 : 我贊成。我們去什麼地點野餐最好呢？
- Muthu: Saya fikir Changi Point yang bagus sa-kali.
末 都 : 我想樟宜海邊是最好的地方。
- Mat: Bagus. Saya suka berkelah di-tepi laut. Saya akan
membawa roti dan sardin.
默 : 好極了，我喜歡在海邊野餐，我將攜帶麵包和沙
丁魚。
- Wong: Baik kita pergi pagi² supaya dapat bermain di-
laut sampai puas.
黃 : 最好早點去，這樣一來，我們便可以在海中玩到
心滿意足。
- Muthu: Kita pergi dengan kereta saya. Boleh-kah awak
datang ka-rumah saya atau saya pergi mengambil
awak di-rumah, Mat?
末 都 : 大家坐我的車子去，你來我家抑或我去載你？默。

- Mat: Lebih baik awak datang mengambil saya, sebab saya ada banyak barang² yang akan di-bawa.
- 默 : 最好你到我家載我，因為我有許多東西要帶去。
- Mu.hu: Baik-lah, saya akan mengambil awak pada pukul sembilan pagi.
- 末 福 : 好的，我將在上午九點的時候去載你。

DAFTAR PERKATAAN² 字 彙

Pantai, tepi laut	海邊，海濱	Cinetek	淺
Pergi berkelah	去野樂	Dalam	深
Mengadakan perkelahan	組織野樂	Ombak, gelombang	海 浪
Pantai indah	幽雅的海邊	Pergi mandi laut	去游水
Pantai pasir	沙 灘	Berenang	游 泳
Ayer jerneh	水 清	Selam	潛 水
Ayer keroh	水 濁	Terjun	跳 水
Laut tenang	浪 靜	Boju mandi	游泳衣
Laut berombak	浪 浪	Seluar mandi	游泳褲
Ayer pasang	高 潮	Tempat tedoh	蔭涼的地方
Ayer surut	低 潮	Udara berseh	清 風

MAJLIS KERAMAIAAN 社 交

Ali: Wah, awak berpakaian lawah malam ini. Hendak menonton wayang gambar-kah?

阿 里： 唔，你今晚穿得真係整齊漂亮，要去看電影是嗎？

Atan: Tidak, saya hendak pergi ka-majlis makan malam

阿 丹： 不是，我要去參加餐會。

Ali: Ada orang kahwin-kah?

阿 里： 有人結婚是嗎？

Atan: Ya, sa-orang rakan di-pejabat berkahwin hari ini, dan dia mengadakan majlis makan malam bagi merayakan perkahwinan-nya.

阿 丹： 是的，我的一位同事，今天結婚，並且舉行餐會來慶祝他的喜事。

Ali: Isteri awak pergi juga-kah?

阿 里： 你的夫人也去嗎？

Atan: Ya, dia sedang berdandan sekarang.

阿 丹： 是的，他正在打扮。

Ali: Agak besar majlis-nya, ya?

阿 里： 我想那一定是個盛會，是不是？

Atan: Oh, tidak, dia hanya menjemput beberapa orang sahabat baik sahaja. Dia bukan orang kaya; cuma pekerja pejabat macham kita juga.

阿 丹： 哦，不，他只邀請一些接近的朋友，他不是有錢人，同我的一樣，只是辦事處的職員吧了。

DAFTAR PERKATAAN² 字 彙

Berkahwin	結 婚	Hadiah kahwin	結 婚 禮 物
Perkahwinan	婚 姻	Pinangan	求 婚
Jemputan	請 帖 · 請 柬	Pertunangan	訂 婚
Mengidarkan kad ² jemputan	發 出 請 柬	Pelamin	新 婚 的 禮 拜
Majlis perkah- winan	結 婚 宴 會	Pengantin lelaki	新 郎
Upacara perkahwinan	結 婚 禮 式	Pengantin perempuan	新 娘
Menerima kad jemputan	接 到 請 柬	Pengapit	新 娘 伴
		Pakaian pengantin	結 婚 禮 服

SUKAN 運動會

Ah Leng: Bila sekolah-mu hendak mengadakan sukan tahunan, Salim?

亞 龍: 什麼時候你的學校將舉行常年運動會，沙林？

Salim: Pada minggu hadapan. Sa-patut-nya di-adakan pada bulan lepas, tetapi kerana musim hujan sukan itu telah di-tanggohkan.

沙 林: 下星期，運動會本來在上個月舉行的，但是，由於雨季關係，因此延期舉行。

Ah Leng: Engkau mengambil bahagian, ta'?

亞 龍: 你參加比賽嗎？

Salim: Aku akan mengambil bahagian dalam dua perlumbaan, ia-itu lompat pagar dan lari sa-ratus ela.

沙 林: 我將參加兩個項目，那就是跳欄及百碼賽跑。

Ah Leng: Kenapa engkau tidak bertanding dalam lompat tinggi?

亞 龍: 你為什麼不競爭跳高項目？

Salim: Aku telah kalah dalam pertandingan ujian.

沙 林: 我在預賽時已被淘汰。

Ah Leng: Apa-kah hadiah² yang akan di-berikan kepada pemenang²-nya?

亞 龍: 有什麼獎品頒給優勝者？

Salim: Piala², perisai² dan lain² lagi.

沙 林: 銀杯，盾牌等等。

- Ah Leng:** Siapa yang engkau agak akan jadi johan dalam Bahagian A?
- 亞 龍： 你猜誰能夠在甲組中獲得冠軍？
- Salim:** Aku fikir Nathan boleh menjadi johan. Dia sungoh kuat lari.
- 沙 林： 我想拿丹可能成為冠軍，他跑得真快。

DAFTAR PERKATAAN² 字 彙

Sa-ratus ela	百 碼	Menang	得 勝
Lumba bergilir	接力賽跑	Buang besi	丟鉛球
Lompat tinggi	跳 高	Lontar lembing	投擲標槍
Lompat pagar	跳 欄	Lontar chakera	拋擲鐵餅
Lompat jauh	跳 遠	Pemenang	勝利者，奪標者
Lari pantas, lari chepat	快 跑	Kemenangan	勝 利
Lari perlahan-lahan	慢 跑	Johan	冠 軍
Kenjut, pechut	終點衝線	Kejohanan	錦標賽
Potong	割 過	Sa-tengah akhir	半決賽
Kalah, tewas	失 敗	Akhir	決 賽

LALU-LINTAS 交通

Pemohon: Saya hendak belajar memandu motokar. Ada-kah saya di-kehendaki mengambil lesen terlebih dahulu?

申請執照者：我打算學駕車。我是否須要先拿到一張執照？

Pegawai pejabat lalu-lintas: } Ya, awak mesti mengambil lesen L dahulu.

交通局職員：是的，你必須先拿到一張L執照。（臨時執照）

Pemohon: Berapa lama-kah saya mesti pakai lesen L?

申請者：我必須使用L執照多久呢？

Pegawai: Hingga awak di-uji dan di-dapati boleh memandu kereta dengan selamat.

職員：直到你經過考試及格並且能安全地駕車為止。

Pemohon: Sa-masa saya memakai lesen L, boleh-kah saya menjalankan kereta di-jalan² raya?

申請者：在使用這張L執照時期，我可以在馬路上駕車嗎？

Pegawai: Boleh, dengan syarat ada sa-orang pemandu yang berlesen duduk di-sabelah awak.

職員：能够，只要有一位領有正式執照的人坐在你身邊就行。

Pemohon: Bagaimana kalau saya gagal dalam ujian itu?

申請者：比方考試不及格，那我該怎麼辦？

Pegawai:	Awak akan di-beri tempoh unok belajar lebeh lanjut. Kemudian awak akan di-uji sa-kali lagi.
職員:	你可多事一個時期，然後再考一次。
Pemohon:	Baik-lah. Tolong berikan saya suatu lesen L.
申請者:	好的，請你給我一張L執照吧。

DAFTAR PERKATAAN² 字 彙

Kereta	車 輛	Simpang empat	交叉路口
Membawa motokar	} 駕 車	Berhenti	停 止
Memandu motokar		Sek koh	彎 路
Menjalankan motokar		Berlanggar Mendapat ke- malangan	} 相撞，車禍
Pergi dengan motokar	Tempat menye- berang	行人道	
Pergi naik motokar	} 乘車，搭車	Bahaya, per- baikan jalan di-hadap.in	} 危險，前面正 在修路
Penumpang		搭 客	
Laju, deras	快 速	Pirau	迂 迴
Had laju	時速限制	Bulatan	交通島
Melebehi had laju	超過時速限制	Ta'boleh belok kanan	不得右轉
Bersaing	並排而駛	Ta'boleh letak kereta	禁止停車
Bertunda ²	接踵而駛		
Di-tunda	被拖吳		